

17 APR 2000

MAHATHIR-RINGGIT/I

MAHATHIR BIDAS DANA ASING GESA KAJI SEMULA PENETAPAN RINGGI

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas dana-dana asing kerana memperbaharui seruan mereka supaya kajian semula meningkat penetapan ringgit berbanding dengan dolar AS.

Katanya dana-dana asing yang sama sebelum ini berkata bahawa Malaysia telah membuat pilihan yang betul apabila ia mengikat unit tempatan kepada paras serendah RM3.80 yang telah meningkatkan rizab luar Malaysia.

Sekarang, "mereka menyatakan kita mempunyai rizab yang besar kerana matawang kita adalah lemah, tetapi pada waktu yang sama, orang-orang asing yang sama menggesa ringgit yang lebih kukuh sedikit."

"Saya tidak fikir mereka tahu apa yang mereka cakapkan," katanya apabila diminta mengulas mengenai seruan kebelakangan ini yang dibuat oleh pengurus-pengurus dana bagi kajian semula meningkat penetapan nilai ringgit itu.

Pengurus-pengurus dana itu mendakwa bahawa jika penetapan itu tidak dikaji semula meningkat dan dasar kewangan yang terbuka tidak dikaji semula, Malaysia akan menghadapi risiko ekonomi terlampau cergas dan inflasi berlebihan tahun depan.

Pada Sept 1998, Malaysia memperkenalkan kawalan modal berpilih-pilih dan menetapkan ringgit berbanding dolar AS dalam usaha menebat negara daripada manipulator matawang yang tidak bertanggung jawab.

Sementara dikritik ektika itu, dasar itu sehak itu telah dipuji oleh banyak pihak oleh kerana ia memberiklan Malaysia ruang bernafas yang begitu diperlukan bagi memperkenalkan langkah-langkah perkembangan untuk merangsang ekonomi.

Sekarang apabila ekonomi sudah pulih, semakin banyak gesaan supaya kawalan berpilih-pilih itu dirombak dan ringgit dikaji semula meningkat, tetapi Malaysia telah mempertahankan bahawa tidak akan ada perubahan kepada dasarnya kecuali terdapat langkah-langkah konkrit untuk mengawal spekulator-spekulator matawang global dan dana-dana lindung nilai.

Mengenai penjualan panik di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari inai di mana Indeks Komposit jatuh 56.24 pmata atau enam peratus kepada 874.97, perdana menteri berkata bahawa "penjualan panik seumpama itu berlaku di mana-mana termasuk di Dow Jones Industrial Average di New York dan Nasdaq.

Harga-harga saham jatuh dengan mendadak selaras dengan bursa-bursa serantau lain setelah mengalami tekanan jualan kuat berikutan kejatuhan mendadak di Wall Street Jumaat lalu. -- BERNAMA

AD MR OS